



## KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

### KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **firma perunding tempatan** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) untuk mengambil bahagian dalam pelawaan berikut :-

NO RUJUKAN	BUTIR-BUTIR PELAWAAN	KOD BIDANG	TARIKH TUTUP (12:00 TGH)	SYARAT UTAMA PELAWAAN
MOA/DPS/TB/01/2019/DAN	Kajian Penyediaan Dasar Agromakanan Negara 2.0	340502 (Kajian Pertanian)	2 Mei 2019 (Khamis)	<ol style="list-style-type: none"><li>1 Berdaftar dengan Kementerian Kewangan dan berdaftar di bawah kod bidang yang ditetapkan; dan</li><li>2 Tempoh pendaftaran dengan Kementerian Kewangan masih sah.</li></ol>

Syarat-syarat, Arahan dan Maklumat Lanjut mengenai pelawaan ini adalah dijelaskan di dalam Dokumen Pelawaan dan boleh didapati daripada kaunter/pejabat Agensi di **Bahagian Kewangan, Aras 5 Menara 4G1 Wisma Tani, No. 28 Persiaran Perdana Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62624 Putrajaya** bermula **17 April 2019 sehingga 30 April 2019**. Dokumen Pelawaan adalah dijual dengan kadar **RM50.00** bagi setiap satu (1) set. Bayaran bagi dokumen hendaklah dibuat dalam bentuk tunai sahaja.

Tempat serahan dokumen adalah di tempat yang sama.

Petender yang berminat **wajib menghadiri taklimat tender** yang akan diadakan pada **17 April 2019 (Rabu) jam 2.30 petang** bertempat di alamat seperti di atas.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berasingan yang berlakri dan ditandakan Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos di sebelah kiri atas setiap sampul surat berkenaan dan dialamatkan kepada **Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**. Kedua-dua sampul "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos" berserta Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan dimasukkan ke dalam Peti Pelawaan Terbuka seperti alamat di atas **tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada 2 Mei 2019**. Dokumen Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos yang **lewat diterima tidak akan dipertimbangkan**.